




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **61 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,857 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 71 menjadikan jumlah kumulatif 57,668 orang. Seramai 617 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 237 orang di hospital dan 380 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 31 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning 12 daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 61 kes positif COVID-19, sebanyak 30 kes (49.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tiga (3) kes (4.9%) saringan bergejala, 25 kes (41%) dari kluster sedia ada serta tiga (3) kes (4.9%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 15.43%.

B AKTIVITI DI KOMPLEKS BELI BELAH YANG DISENARAikan DALAM HOTSPOT IDENTIFICATION FOR DYNAMIC ENGAGEMENT (HIDE)

- 1 Berikutan maklumat tular berkaitan tiga (3) kompleks beli-belah yang disenaraikan di bawah Pengecaman Lokasi Panas Untuk Libat Urus Dinamik (HIDE) semalam, Kerajaan Negeri memutuskan untuk **TIDAK** melaksanakan penutupan kompleks berkenaan selama tiga (3) hari atas tujuan sanitasi. Penutupan ini hanya akan dilaksanakan **JIKA TERDAPAT KES POSITIF COVID-19** iaitu selepas membuat penilaian risiko.
- 2 Aktiviti membeli belah di Kompleks Suria Sabah, Karamuning dan Centre Point adalah beroperasi seperti biasa. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan membuat kawalan di pintu-pintu masuk dan memastikan bilangan pengunjung yang memasuki premis-premis ini tidak melebihi daya tampung yang dibenarkan.
- 3 Pengunjung kompleks membeli belah **HENDAKLAH** sentiasa mematuhi semua amalan SOP yang telah ditetapkan iaitu pendaftaran nama, memakai pelitup muka, penjarakan fizikal serta membasuh tangan dan menggunakan sanitasi.

C PKPD KAMPUNG KERAMAT, SEMPORNA

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Keramat, Semporna.
- 2 Sehingga kini, KKM telah merekodkan 10 kes positif COVID-19 daripada 101 ujian saringan yang dilakukan ke atas penduduk di lokaliti tersebut.
- 3 KKM juga melaporkan berlaku peningkatan jumlah kes yang amat ketara selain pematuhan SOP penduduk di lokaliti tersebut masih rendah.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Keramat, Semporna berkuat kuasa 11 Mei sehingga 24 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes serta menyekat penularan jangkitan kes COVID 19 dari kawasan berisiko ke kawasan lain di luar lokaliti tersebut.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **72** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,237** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **14** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,065** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **2,061** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **27,613** orang.

- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,613** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **480,621** (mysejahtera 422,999 : laman web 57,379 : talian vaksinasi 243) bersamaan 16.4%.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **320,336** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 36 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,827 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 18 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 10 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - Lima (5) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
 - Dua (2) orang : Tidak berada di pusat kuarantin
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 66 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 194 lokasi melibatkan seramai 217 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 58 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan dan Kota Kinabalu.
- 7 Sejumlah 41 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 224 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beaufort	98%
6	Sipitang	98%
7	Tuaran	98%
8	Ranau	97.5%
9	Papar	97.5%
10	Kunak	97.5%
11	Semporna	97.5%
12	Lahad Datu	97%
13	Kota Kinabalu	97%
14	Kinabatangan	97%
15	Keningau	97%
16	Penampang	97%
17	Kota Belud	97%
18	Tawau	96%
19	Sandakan	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

09 MEI 2021